

Pameran Maya

Sempena Hari Pustakawan
6 Jun 2023



"Masyarakat Digital Madani
Peluang Memacu Perubahan"

Pengenalan

Dalam dunia pendidikan, perpustakaan adalah salah satu institusi pendidikan yang diakui penting dari dahulu hingga kini. Dalam Bahasa Arab, para cendekiawan dipanggil 'wasial-ittila' (luas bacaan) atau bahr fi'ilm (lautan ilmu).

Dalam Islam, ayat yang pertama diturunkan adalah perintah untuk membaca iaitu iqra". Ini membayangkan betapa pentingnya tugas membaca itu hingga ia menjadi fardhu ain bagi setiap lelaki dan perempuan Muslim. Sehubungan dengan kewajipan membaca itu, ia sudah tentu akan menjadi kewajipan tertentu untuk menghasilkan, mengeluarkan dan menyimpan buku-buku bacaan. Inilah yang menjadi punca kewujudan perpustakaan di dalam dunia Islam.

Oleh kerana buku-buku mendapat kedudukan istimewa di dalam sejarah Islam, maka terkenallah pelbagai jenis perpustakaan, sama ada perpustakaan awam ataupun perpustakaan persendirian. Disenaraikan sebahagian daripada perpustakaan yang terkenal pada zaman kegemilangan Islam


Baitul Hikmah

Baitul Hikmah (Bahasa Arab: **بيت الحكمة** Bait al-Hikma) adalah perpustakaan dan pusat penterjemahan semasa era kerajaan Abbasiyyah di Baghdad, Iraq. Ia dianggap sebagai pusat intelektual dan keilmuan semasa Zaman Kegemilangan Islam.

Adalah dipercayai bahawa Baitul Hikmah dibina oleh Khalifah Harun Al-Rasyid. Allan Al-Syuibi adalah penyalin buku bagi Al-Rasyid dan Al-Makmun di Baitul Hikmah, manakala Abu Sahl Al-Fadl bin Nawbakth adalah seorang penterjemah buku di bawah Al-Rasyid di Baitul Hikmah.

Baitul Hikmah adalah perpustakaan pertama yang menghimpun buku secara besar-besaran. Ia mengandungi buku-buku berharga dalam pelbagai bidang ilmu dan dalam pelbagai bahasa. ia merupakan pusat perhubungan intelektual yang terpenting pada zaman pertengahan Islam.





Baitul Hikmah ialah sebuah legasi agung peninggalan tamadun Islam yang pernah suatu masa dahulu, mencapai zaman keagungannya dalam bidang ilmu. Sebaik sahaja Abbasiyah mengambil kekhalifahan dari Bani Umayyah dan melaksanakan dasar perluasan kuasanya, mereka mula mencapai zaman dan fasa baru dalam sejarah ketamadunan Islam. Keluasan empayar Abbasiyah memaksa khalifah Al-Mansur ketika itu memindahkan pentadbirannya ke wilayah Iraq.



Detik Kehancuran Baitul Hikmah Baitul Hikmah hancur lebur ketika Baghdad jatuh ke tangan bangsa Mongol pada 1258. Hulagu Khan, cucu Genghis Khan, menyerang Baghdad. Kota ini jatuh setelah dikepung dan dihujani panah api. Baitul Hikmah telah diratakan dengan tanah. Dikatakan, air Sungai Tigris yang melalui Baghdad, berubah menjadi merah dan hitam. Merah dari darah para ilmuwan dan ahli falsafah yang terbunuh, sedangkan hitam dari tinta buku-buku berharga koleksi Baitul Hikmah yang luntur setelah dibuang ke sungai itu. Mengikut sejarawan malah ada mengatakan hingga sejuta orang. Khalifah Al-Musta'sim ditangkap dan dipaksa melihat penduduknya dibunuh satu persatu. Dikatakan, khalifah akhirnya dibunuh dengan cara digulung dengan permaidani untuk ditindas oleh gerombolan kuda.



Manuskrip saintifik terawal berasal dari Era Abbasiyyah.



Ilustrasi abad ke-13 melukiskan kegiatan belajar mengajar antara guru dan muridnya dalam sebuah perpustakaan publik di Baghdad.

Sumber: Bibliotheque Nationale de France

Baitul Hikmah adalah perpustakaan yang memiliki kedudukan tinggi dan pertama kali didirikan untuk umum di kalangan umat Islam. Bahkan Baitul Hikmah juga merupakan Universitas Islam yang pertama kali menjadi tempat berkumpulnya ilmuwan dan peneliti, pelajar, dan mahasiswa. Dengan demikian dapat dikatakan bahwa Baitul Hikmah adalah pusat ilmu pengetahuan yang pertama kali dalam bidang kedokteran, filsafat, hikmah, dan ilmu lainnya.

Baitul Hikmah dibangun dan didirikan oleh Khalifah Harun Rasyid. Kemudian pada masa Ma'mun kegiatan Baitul Hikmah sampai pada puncaknya. Khalifah Ma'mun memiliki kecerdasan yang luas, cinta pada ilmu pengetahuan serta kebudayaan, dan memiliki pikiran yang merdeka (independen). Perhatian Ma'mun yang amat besar kepada Baitul Hikmah ini membawa perkembangan yang pesat dalam bidang ilmu pengetahuan, kebudayaan, dan sastra di kalangan kaum muslimin. Ilmu pengetahuan asing dimasukkan, yang lantas ilmu tersebut dimiliki oleh umat Islam. Sehingga bisa dikatakan bahwa umat Islam telah menyelamatkan dan menyiarkan ilmu pengetahuan kepada generasi muda bahkan hingga pada masa sekarang yang modern ini.

https://ms.wikipedia.org/wiki/Baitul_Hikmah



Bayt Al Hikmah (muslimheritage.com)

Perpustakaan Al-Haidariyah di An-Najaf

Perpustakaan al Haidariyah masih ada hingga sampai sekarang. Perpustakaan ini didirikan atas dasar semangat 'pembangunan' oleh kaum Syiah. Para menteri, penguasa, dan pembesar-pembesar Syiah banyak menumpahkan perhatiannya pada perpustakaan ini. Di antaranya adalah Adludud Daulah Buwahi (sekitar tahun 350 H). Sehingga tidak mengherankan jika perpustakaan itu masih ada hingga sampai sekarang sebagai penghormatan kepada Khulafaur Rosyidin Ali bin Abi Thalib yang dimakamkan di sana.

Perpustakaan Al-Qarawiyyin

Walaupun terdapat satu perpustakaan yang wujud secara berterusan yang lebih tua, Perpustakaan al-Qarawiyyin sering dipercayai sebagai perpustakaan tertua di dunia. Perpustakaan ini merupakan sebahagian daripada salah satu universiti tertua di dunia dan mula dibuka pada 859 CE. Ia diasaskan oleh Fatima al-Fihri, anak perempuan seorang saudagar Tunisia yang kaya (dia juga mengasaskan Masjid Qarawiyyin dan Universiti Qarawiyyin).

Sejak beberapa dekad yang lalu, kebanyakan perpustakaan telah ditutup kepada semua kecuali beberapa sarjana dan pelajar universiti kerana kerosakan yang besar. Pada 2012, Kementerian Kebudayaan Maghribi menghubungi Aziza Chaouni, seorang arkitek dan jurutera yang berpangkalan di Toronto, yang berasal dari Fez, Maghribi, untuk menilai kerosakan perpustakaan. Chaouni mendapati perpustakaan itu reput dan terdapat sungai yang mengalir di bawah lantai. Sejak itu, perpustakaan telah melakukan pengubahsuaian yang meluas dan dibuka kepada orang ramai pada tahun 2017.

Perpustakaan Al-Qarawiyyin



Sumber : <https://www.riau mandiri.co/read/detail/42284/perpustakaan-al-qarawiyyin-merupakan-perpustakaan-tertua.html>

Perpustakaan Al-Qarawiyyin



Universiti Qawariyyan di Fez Maroko. Salah satu dari Universitas tertua di dunia.

Sumber: [Commons.wikimedia.org](https://commons.wikimedia.org)

Perpustakaan Ibnu Sawwar di Basrah

Abu AH bin Sawwar adalah seorang ulama terkenal yang telah membina dua buah perpustakaan yang mana salah satu daripadanya ialah di Ram Hurmuz. Penuntut-penuntut datang untuk membaca dan menyalin manakala pengasasnya memberi mereka jamuan. Mengikut Al-Maqdisi, perpustakaan di Basrah ini sangat besar dan ramai pengunjungnya. Disamping itu, ada seorang ulama di situ yang di tempatkan untuk mengajar ilmu agama.

Didirikanoleh Abu Ali ibnu Sawwar, salah seorang yang dekat dengan Adhudud Dauah. Perpustakaan ini juga berfungsi sebagai lembaga perguruan. Perpustakaan ini ada seorang Syeh yang mengajarkan Ilmu Kalam menurut Mazhab al Mut'tazilah.

Perpustakaan Sabur

Didirikan oleh Abu Nasr Sabur Ibnu Ardasyir pada tahun 383 H. Ia adalah Wazir kerajaan Bani Buwaih di masa Bahaud Daulah. Buku-buku di perpustakaan tersebut berjumlah 10.400 buah dari berbagai macam ilmu pengetahuan, diantaranya 100 al Quran ditulis dengan tangan oleh Bani Muqlah. Sebagaian besar buku itu adalah tulisan tangan asli dari pengarangnya sendiri bukan dari hasil penggandaan. Atau paling tidak dari buku-buku itu ada catatan-catatan dari pengarangnya. Perpustakaan ini telah membentuk badan Wakaf untuk membiayai kebutuhan perpustakaan.

Perpustakaan Sabur adalah suatu pusat kebudayaan yang istimewa, dia menjadi tempat pertemuan bagi para Ulama dan para pengkaji ilmu. Dan sudah tidak asing lagi perpustakaan ini menjadi tempat untuk diskusi. Banyak pula di antara para Ulama yang mewakafkan buku-buku dan karangannya ke perpustakaan ini.

Darul Hikmah di Kairo

Perpustakaan ini didirikan oleh Khalifah al Hakim bi Amrillah al Fathimi. Dibuka pada 10 Jumadil Akhir tahun 395 H. Tujuan utama didirikan perpustakaan ini di Kairo adalah untuk memusnahkan dari pikiran masyarakat Islam tentang keagungan Baitul Hikmah yang didirikan oleh Harun Rasyid di Baghdad. Dan yang pernah mencapai puncak kejayaannya pada masa Khalifah al Ma'mun putera Harun Rasyid.

Di perpustakaan ini didirikan sebuah gedung yang besar dan teratur, dihiasi dengan perabotan yang sangat berharga. Terdapat buku-buku dan manuskrip-manuskrip dari berbagai ilmu pengetahuan yang belum pernah dikumpulkan sebanyak itu di istana raja-raja di negeri manapun. Perpustakaan ini dilengkapi dengan alat tulis, pegawai, pembantu, dan pesuruh yang diberi tugas menjaga dan mengabdikan pada perpustakaan. Untuk proses pembelajaran maka diangkat ahli-ahli al Quran, fiqh, astronom, bahasa, filosof, dan dokter-dokter sebagai pengajar di perpustakaan itu. Perpustakaan ini lenyap bersamaan dengan runtuhnya dinasti fatimiyin, dan munculnya sultann Salahuddin al Ayyubi memegang kekuasaan. Maka oleh sultan Salahuddin ini diruntuhkanlah Darul Hikmah dan ditempatnya didirikannya sebuah perguruan untuk mempelajari Mazhab Syafii.

Perpustakaan Cordoba

Andalus pernah menjadi pusat kepada kecemerlangan keilmuan dunia islam suatu masa dahulu yang mana pernah disebut sebagai sebab kepada kebangkitan dunia Eropah dari sudut keilmuan. Terdapat kira-kira 380 masjid, 800 madrasah, 70 perpustakaan awam dan banyak lagi perpustakaan peribadi yang berada didalam bandar Cordoba di Andalus itu. Masjid Cordoba merupakan universiti terbesar di Eropah ketika zaman Islam dan mempunyai hampir 4000 pelajar dalam satu masa.

- Rheinhart Dozy berpendapat bahawa hampir setiap orang boleh membaca dan menulis. Apabila dibandingkan dengan Eropah ketika itu yang hanyalah Priest dan aristokrat sahaja yang boleh menulis dan membaca.

- Di sini juga terletak hasil terjemahan penulisan-penulisan seperti Plato dan Aristotle yang telah diterjemah ke dalam bahasa arab. Malah penulisan Ibn Sina dan Ibn Rushd juga disimpan di dalam perpustakaan ini suatu masa dahulu.


Perpustakaan Topkapi, Istanbul

Perpustakaan ini terletak di dalam istana Topkapi, Istanbul dan mengumpulkan warisan manuskrip yang luas, hasil daripada wilayah di bawah Uthmaniyyah suatu ketika dahulu. Terdapat kira-kira 14,000 manuskrip dan pelbagai kesenian yang tersimpan di dalam istana Topkapi ini. Penulisan dan album daripada dunia arab, Seljuk, Mamluk, Mongol, Timurid, Uzbek, Turkmen dan Safavid, kesemuanya dikumpulkan di dalam istana ini dan boleh dijumpai sehingga ke hari ini.



Perpustakaan Mughal India.

Perpustakaan pertama di dalam Mughal ditubuhkan oleh Raja Zaheer al-Din Babur pada 1526. Terdapat hampir 24,000 tajuk buku di dalam perpustakaan ini. Di sini juga terdapat perpustakaan khas untuk wanita. Di dalam perpustakaan ini tersimpan pelbagai manuskrip berkaitan astronomi, astrologi, matematik, tafsir, hadis, muzik dan perubatan. Perpustakaan ini menjadi tempat perkumpulan para ilmuan, ulama' dari pelbagai negara seperti Samarkand, Khurasan dan Herat yang dibawa masuk ketika zaman Zaheer Al-Din Babur.



Mughal Miniatures reflecting moments of Teaching and Learning



Sumber : <https://www.mughallibrary.com/>

Perpustakaan Alexandria

Perpustakaan Besar Alexandria, pada kenyataannya, merupakan keajaiban dunia kuno. Diciptakan pada era Helenistik dan kosmopolitan dari Alexander Agung. Perpustakaan Alexandria dibangun oleh penerus Alexander sebagai lokasi sentral untuk mencari informasi melalui buku dan teks. Dengan tujuan ini, perpustakaan menjadi pusat pembelajaran di sekitar Mediterania, dan banyak pemikir terhebat pada masa itu yang berkumpul di sana.


Namun, tragedi menimpa Perpustakaan Besar ini dan semua manuskripnya yang tak ternilai hilang. Tetapi bagaimana hal seperti itu bisa terjadi?

Meskipun tidak ada informasi pasti tentang siapa yang membangun Perpustakaan Alexandria, tetapi hal ini dimulai dengan Alexander Agung, penakluk Mesopotamia yang menyebarkan budaya Yunani ke seluruh dunia. Seperti yang dijelaskan oleh Encyclopedia Britannica, semangat eksplorasi Alexander yang haus akan pengetahuan di tempat-tempat yang dia taklukkan memberikan pengaruh besar bagi era Helenistik.



Ilustrasi Perpustakaan kuno Alexandria, Mesir.

Penerus Alexander sebagai penguasa di Mesir, yakni Ptolemeus I, adalah orang yang berinisiatif untuk mewujudkan perpustakaan yang berisi banyak ilmu pengetahuan, seperti impian Alexander yang ingin membuat Alexandria sebagai pusat penelitian dan pembelajaran ilmiah di Mediterania. Ptolemeus dibantu oleh Demetrius dari Phaleron, seorang filsuf Yunani yang diberi tugas untuk membuat perpustakaan yang berisi salinan setiap buku di dunia sekitar tahun 295 SM.



Lukisan situasi Perpustakaan Alexandria di era Kaisar Philadelphus.
(sumber: collective-evolution.com).

Khizanat Sabur (Dar Al-ilm)

Khizanat Sabur adalah satu perpustakaan yang terbaik yang pernah ada di dunia Islam. Perpustakaan ini didirikan pada tahun 381 Hijrah oleh Abu Nasr Sabur bin Ardasyir. Di situ terdapat seratus naskah Al-Quran yang ditulis oleh Banu Muqlah dan 10,400 buku yang kebanyakannya ditulis tangan telah dimiliki oleh ulama-ulama terkenal. Sabur telah menyediakan wang untuk memelihara perpustakaan itu. Perpustakaan ini pernah menjadi pusat terkenal untuk ulama-ulama berbahas dan berdebat.

Perpustakaan Al-Syarif Al-Radi

Perpustakaan Al-Syarif Al-Radi

Perpustakaan ini adalah pusat perkembangan intelektual yang dibina oleh Al-Syarif Al-Radi di Baghdad pada 406 Hijrah.

Perpustakaan ini sangat tersusun rapi Penuntut-penuntut berkumpul di sini untuk menggunakan koleksi buku yang ada dan mendengar syarahan-syarahan yang diberikan oleh pengagasnya. Segala pembiayaan penuntut tersebut adalah ditanggung sendiri oleh Al Syarif Al-Radi.

Perpustakaan-perpustakaan di Madrasah

Sebelum Madrasah-Madrasah didirikan dan menggejala di Masyarakat maka telah ada kumpulan buku-buku di Masjid-Masjid. Tatkala Nizamul Mulk mendirikan Madrasah-Madrasah nya di berbagai lokasi, maka masing-masing Madrasah tersebut dilengkapi dengan perpustakaan yang amat berharga. Adalah Madrasah Nizamiyahh di Baghdad yang pertama didirikan oleh Nizamul Mulk yang paling terkenal. Oleh karena itu perpustakaannya pun juga mendapat perhatian istimewa hingga jadilah perpustakaan Nizamiyahh di Baghdad sebagai perpustakaan yang paling besar di masanya.

Perpustakaan Kitab-kitab Wakaf di Masjid az Zaidi.

Perpustakaan ini terdapat pada sebuah masjid yang dibina oleh Abu Al-Hassan Ali bin Ahmad Al-Zaidi pada 575 Hijrah. Sebelum kematiannya, Al-Zaidi telah menambahkan lagi koleksi buku peribadinya untuk perpustakaan ini untuk di baca oleh penuntut-penuntut dan para ulama. Ada tiga lagi ulama dan pencinta buku yang memperkayakan perpustakaan tersebut dengan mewakafkan buku-buku untuk perpustakaan tersebut iaitu Abu Al-Khatabb, Abu Alkhair Subaih dan Yaqut Al-Habisyi.

Perpustakaan Al-Nasir Lidinilah

Al-Nasir, selain terkenal sebagai penguasa yang lama dalam kerajaan, beliau juga sangat berminat terhadap perkembangan intelektual. Beliau memiliki tiga buah perpustakaan yang paling menarik dalam sejarah Islam. Satu daripadanya digambarkan oleh Ibnu Al-Athir iaitu mengandungi beribu-ribu buku yang istimewa dan sangat berharga.

Perpustakaan Al-Musta'sim Billah.

Setahun selepas Al-Musta'sim menjadi khalifah, ia memerintahkan agar sebuah perpustakaan besar dibina di dalam istananya. Penyair-penyair amat terpesona akan keagungan perpustakaan itu sehingga ada di antara mereka mengubah syair - syair yang memuji-muji perpustakaan tersebut.

Perpustakaan Al-Nasir Lidinilah

Mengikut kata pakar sejarah, terdapat 2400 Al-Quran di perpustakaan ini. Sebahagiannya ditulis tangan oleh penulis penulis terkenal dan dijilid dengan indah. Di samping itu juga, terdapat dua juta buah buku yang mengandungi karya-karya dalam pelbagai bidang seperti perundangan daripada karya mazhab, Tatabahas, Bahasa, Hadith, Sejarah, Perbincangan dan Kimia. Kata Abu Syamah dan Al-Maqrizi perpustakaan ini adalah salah satu keajaiban dunia, dan merupakan perpustakaan yang seistimewa di antara perpustakaan-perpustakaan yang ada pada zaman pertengahan.

RUJUKAN:

[https://ms.wikipedia.org/wiki/Baitul_Hikmah#:~:text=Baitul%20Hikmah%20\(Bahasa%20Arab%3A%20%D8%A8%D9%8A%D8%AA,keilmuan%20semasa%20Zaman%20Kegemilangan%20Islam.](https://ms.wikipedia.org/wiki/Baitul_Hikmah#:~:text=Baitul%20Hikmah%20(Bahasa%20Arab%3A%20%D8%A8%D9%8A%D8%AA,keilmuan%20semasa%20Zaman%20Kegemilangan%20Islam.)

<https://www.facebook.com/thepatriotsasia/photos/baitul-hikmah-perpustakaan-agung-umat-islam-dalam-kenanganbaitul-hikmah-ialah-se/596032730590756/>

<https://iluminasi.com/bm/bayt-al-hikmah-institusi-ilmu-yang-agung-hancur-diserang-tentera-mongol.html>

<https://www.thepatriots.asia/baitul-hikmah-institusi-ilmu-yang-dirindui-umat-islam/>

https://www.youtube.com/watch?v=YQY5I3s_-kY

